



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN INDIVIDU YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA). MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Taraf Lantikan	: Kontrak
Tempoh Lantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
Gaji dan Imbuhan	: Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa.

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia.
- 2) Berumur 40 tahun hingga 55 tahun.
- 3) Berpengalaman luas dalam bidang berkaitan (pengurusan kanan) sekurang-nya-kurang 10 tahun dalam aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi.
- 4) Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum serta pakar dalam pengajaran dan pembelajaran.

KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

- I. **Berpengalaman dalam pengurusan hal ehwal akademik, pengajaran, dan pembelajaran:** Penyandang perlu memiliki rekod prestasi yang kukuh di fakulti

atau Universiti dan dapat menunjukkan komitmen yang jelas terhadap pengembangan dan pengukuhan program akademik. Mempunyai pengalaman dalam menyumbang kepada pembangunan dan penambahbaikan program akademik, termasuk berkebolehan dan memperkenalkan inovasi dan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyandang juga mampu melakukan penilaian keberkesanan program dan membuat penyesuaian mengikut keperluan semasa serta mengetahui dan mematuhi dasar dan prosedur akademik Universiti.

- II. **Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*):** Ini merupakan tugas hakiki TNC (A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum, yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa lebih dalam AUKU dalam pembangunan reka bentuk kurikulum universiti.
- III. **Pakar pengajaran dan pembelajaran:** TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE).
- IV. **Kecemerlangan penyelidikan dan penerbitan dalam bidang kepakaran.** Penyandang mestilah mempunyai rekod cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.
- V. **Pengalaman sebagai penyelia yang berjaya:** Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam menguruskan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.
- VI. **Hal Ehwal Antarabangsa:** Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh

penyandang. Calon harus mempunyai hubungan luar dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

- VII. **Kebolehan untuk memahami akreditasi:** Calon perlu mempunyai kebolehan untuk memahami keperluan dan prosedur berkaitan akreditasi bagi program-program akademi yang dinilai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional dan antarabangsa. Calon juga perlu mempunyai pengalaman sebagai penilai akreditasi untuk MQA dan badan profesional.
- VIII. Keupayaan Strategik disamping keupayaan memastikan semua prosedur akademik berjalan seperti yang diperlukan .

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** beserta **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** dengan maklumat pengalaman, kepimpinan dan pencapaian;
- 2) Kertas cadangan dan pencapaian semasa serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik;
- 3) Borang permohonan dan *Curriculum Vitae (CV)* perlu dihantar secara fizikal dan digital untuk urusan saringan;
- 4) Semua permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **20 Ogos 2024 (Selasa)** di alamat berikut:

Dokumen fizikal: Bahagian Governan dan Integriti
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: Encik Azizi bin Ismail)

Dokumen digital: kb_bgi@upm.edu.my / idasu@upm.edu.my

- 5) Permohonan yang lengkap dan lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.

6) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azizi bin Ismail / Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir
Telefon: 03-9769 6943

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam **(6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM